



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PERPUSTAKAAN DESA DIPERKASA SEBAGAI NADI KOMUNITI DAN BUDAYA MEMBACA

PUTRAJAYA, 21 April – Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terus **memperkukuh peranan Perpustakaan Desa sebagai ruang interaksi rakyat yang inklusif, dinamik dan berteraskan ilmu**. Inisiatif ini selari dengan aspirasi kerajaan untuk **membudayakan amalan membaca dalam kalangan masyarakat serta memperkukuh perpaduan melalui perkongsian ilmu**.

Perpustakaan Desa diwujudkan khas untuk komuniti setempat sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat, tempat pertemuan sosial, serta platform pembangunan minda. **Sehingga kini, sebanyak 506 Perpustakaan Desa telah beroperasi di seluruh negara, memainkan peranan penting dalam mendekatkan rakyat dengan sumber ilmu dan aktiviti berasaskan komuniti**.

Melalui pelaksanaan pelbagai program galakan membaca, **sejumlah 50,615 program telah berjaya dianjurkan dengan penyertaan mencecah lebih 1.4 juta orang pada tahun 2025**. Pencapaian ini membuktikan bahawa Perpustakaan Desa kekal relevan sebagai pemangkin kepada pembentukan masyarakat berilmu dan berdaya saing.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata menegaskan bahawa **budaya membaca perlu dipupuk bermula dari institusi keluarga dan diperkukuhkan di peringkat komuniti**. Perpustakaan Desa menjadi jambatan yang menghubungkan kedua-dua elemen ini, sekali gus menyemai minat membaca sejak usia muda dan menggalakkan penglibatan aktif masyarakat.

Kementerian Perpaduan Negara akan terus komited memperkasakan Perpustakaan Desa sebagai hab komuniti yang menyatukan rakyat, memperluas akses kepada ilmu, dan menyokong matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang tahun 2030.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

21 April 2026

KPN.100-9/1/16 (34)